

Alahan ubat bahayakan nyawa

» Kesan sampingan **boleh ancam nyawa**, kenali simptom awal

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

Anda pernah mengalami situasi kegatalan secara tiba-tiba pada pergelangan tangan, sesak nafas dan anggota badan membengkak tanpa sebarang isyarat?

Ini mungkin berpunca daripada alahan ubat! Biar pun kes berkenaan jarang berlaku, namun tindak balasnya boleh mengancam nyawa.

Alahan ubat menyebabkan berlaku tindak balas 'hipersensitiviti' seperti kegatalan pada hidung, alahan atau parut, paru-paru, tekak,

sinus, telinga, perut atau kulit.

Menurut laman kesihatan rasmi, www.myhealth.gov.my, tindak balas alahan boleh berlaku dalam tempoh serta-merta selepas anda mengambil ubatan atau beberapa hari berikutnya, bergantung kepada tahap imunisasi seseorang individu.

Kesan sampingan

Kebanyakan tindak balas alahan tidak berlaku ketika anda memakan ubat untuk kali pertama. Namun selepas pesakit mengambil ubat kedua dan seterusnya, alahan ubat 'mencetuskan' tindak balas imunisasi.

"Semua ubatan mempunyai kesan sampingan sama ada biasa atau teruk. Bagai-

manapun, jumlahnya sedikit iaitu kira-kira lima hingga 10 peratus ubat berisiko menyebabkan kesan alahan," katanya.

Tindak balas alahan berlaku kepada sesiapa saja dan simptom alahan memabitkan ruam biasa atau tindak balas pada sistem sistemik badan pesakit.



Sehubungan itu, penting untuk anda mengenal pasti gejala alahan dan tidak lupa menyemak ubat yang berisiko mengancam nyawa seperti anafilaksis.


Selain itu, sentiasa peka dan maklumkan kepada pengamal perubatan sejarah alahan ubat yang pernah dialami ketika menjalani rawatan atau ketika mendapatkan bekalan ubatan.

BH
m/s 12
16/5/15

GEJALA ALAHAN

- Anafilaksis.
- Tindak balas kulit - ruam, gatal-gatal, sensitif terhadap cahaya (photoallergy) dan tanda kemerahan.
- Sukar bernafas.
- Pitam.
- Degupan jantung tidak sekata (Arrhythmia).
- Kesan bengkak di bawah kulit (Angioedema).
- Sakit sendi dan otot.





KEHILANGAN
KESEDARAN

GATAL-GATAL


BENGGAK LIDAH,
TIDAK BOLEH
MENELAN

BENGGAK PESAT
TISU TEKAK



**ANAFILAKSIS PALING
BAHAYA DAN MENGANCAM
NYAWA. KESANNYA BOLEH
BERLAKU DENGAN PANTAS
IAITU BEBERAPA SAAT
ATAU MINIT. GEJALANYA
MEMBABITKAN,**

- sesak hidung.
- kesukaran bernafas.
- batuk.
- kulit kebiruan (cyanosis), termasuk bibir dan kuku.
- Pitam dan hilang dayaimbangan badan.
- Pening.
- Bimbang atau resah.
- Kebingungan dan percakapan yang tidak teratur.
- Degupan jantung yang cepat.
- Berdebar (palpitations).
- Loya atau muntah.
- Cirit-birit.
- Kekejangan otot.



BH
M/S 13
16/5/2015

JENIS UBAT BERISIKO ALAHAN

ANTIBIOTIK

Punca alahan paling kerap akibat alahan ubat. Ada kajian turut mendedahkan, ubat kemoterapi dan antibodi monoklonal berisiko mencetuskan tindak balas anafilaksis.

PENICILLIN

Kira-kira satu dalam 10 orang dipercayai mempunyai sejarah alahan kepada penicillin tetapi, kira-kira 10 peratus saja menyedari alahan berkenaan. Individu yang alah penicillin terdedah kepada gejala anafilaksis, boleh mengundang maut. Jangan pandang remeh, maklumkan doktor jika pernah ada sejarah alahan ubat.

CEPHALOSPORINS

Tindak balas cephalosporins hampir sama dengan tindak balas penicillin. Namun, kemungkinan seseorang alah kepada penicillin mendapat tindak



KAD ALAHAN UBAT


Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan mencadangkan pesakit dikenal pasti mempunyai alahan ubat perlu ada 'kad alahan ubat'. Kad berkenaan perlu dilengkapi maklumat alahan seperti nama ubat supaya tidak berlaku kesilapan pemberian ubat kepada pesakit.

Pastikan pesakit membawa dan menunjukkan kad alahan ubat ketika mendapatkan rawatan atau mendapatkan bekalan ubat.



SEKIRANYA BERLAKU KECEMASAN, MAKLUMAT PENTING DIPERLUKAN

- Nama, umur, dan berat mangsa
- Nombor telefon pemanggil (untuk panggilan susulan)
- Nama atau jenis produk terbabit (maklumat tertera pada label)
- Kuantiti keracunan
- Masa kemalangan
- Petanda dan simptom
- Jenis bantuan awal



balas alahan cephalosporins, berikutan kedua-dua ubat itu daripada kategori sama.



SULFONAMIDES

Termasuk antibiotik, ubat oral diabetes dan beberapa ubat diuretik. Tindak balasnya tidak jelas. Mungkin disebabkan alahan atau proses imunologi lain. Tiada ujian tepat menentukan alahan ubatan ini.



NON-STEROIDAL ANTI-INFLAMMATORY DRUGS (NSAID)

Termasuk aspirin, ibuprofen dan naproxen. Kelas ubatan ini boleh menyebabkan alahan dan bukan alahan seperti gatal-gatal atau bengkak. Pengambilannya boleh memburukkan lagi asma dan menyebabkan anafilaksis. Tiada ujian tepat menentukan jika seseorang itu alah kepada kelas ubatan ini.

UBAT BIUS SETEMPAT (LOCAL ANESTHETICS)

Tindak balas alahan kepada ubat bius setempat (novocaine, lidocaine) jarang berlaku. Biasanya, berlaku disebabkan kandungan bahan lain seperti pengawet atau adrenaline (supaya ubat tahan lebih lama apabila disuntik).

ANESTESIA AM (GENERAL ANESTHESIA)

Sesetengah ubatan digunakan semasa pembedahan kerap kali menyebabkan tindak balas alahan dan anafilaksis.